



SIARAN MEDIA YAYASAN WAQAF MALAYSIA (YWM)

YWM SANTUNI RAI 91 ANAK YATIM DAN MISKIN, AGIH RM40,000 KEPADA INSTITUSI KEBAJIKAN

Melaka, 23 Mac 2025 - Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) terus memperkukuh peranannya dalam memperkasa kebajikan masyarakat menerusi **Majlis Iftar Rangkaian Kasih Bersama Anak-Anak Yatim dan Miskin** sempena **Bulan Wakaf Kebangsaan 2025** di **Puteri Bay Hotel Melaka**. Majlis ini bertujuan mengeratkan ukhwah serta memperkukuhkan semangat kebersamaan dalam kalangan ummah.

Program ini diserikan dengan kehadiran **YB Senator Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im Bin Hj Mokhtar**, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YWM dan bersama **YB Datuk Rahmad bin Mariman**, Exco Pendidikan Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama Negeri Melaka yang bersama-sama menyantuni **91 anak yatim dan miskin** daripada tiga institusi kebajikan, iaitu:

1. **Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam Ledang Tangkak (PKAYIL)**
2. **Lembaga Pengurusan Anak Yatim/Miskin Melaka (PAYASUM)**
3. **Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim dan Miskin Darul Khusus (PEYAKIN)**

Sebagai tanda sokongan berterusan, **YWM mengagihkan sumbangan keseluruhan berjumlah RM40,000** kepada institusi kebajikan, iaitu:

1. **RM30,000 kepada tiga badan kebajikan** bagi melaksanakan program Ihya' Ramadan dan sambutan Hari Raya Aidilfitri.
2. **RM10,000 kepada Yayasan Waqaf Pendidikan Anak Yatim/Miskin Malaysia (YAWATIM)** bagi tujuan kebajikan anak-anak yatim.

Majlis ini turut mendapat tajaan dan sokongan daripada **Perbadanan Wakaf Nasional Berhad (PWNB)**, **Worldgate Resources Group Sdn. Bhd.**, **Koperasi Penguatkuasa PBT Berhad**, **ITTV Education Sdn. Bhd.**, **Asia World Solutions** dan **SecurePay Sdn. Bhd.** yang bersama-sama menjayakan inisiatif ini bagi memastikan kebajikan anak-anak yatim dan miskin terus terbela.

Puteri Bay Hotel Melaka dipilih sebagai lokasi penganjuran majlis ini adalah untuk memperkenalkan kepada semua simbol kejayaan wakaf di Malaysia. Hotel ini merupakan aset wakaf milik **Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)** yang diuruskan oleh YWM dan dioperasikan oleh anak syarikat milik penuhnya, **PWNB**. Model pembangunan wakaf ini membuktikan bagaimana aset wakaf dapat **di optimumkan secara produktif serta memberi manfaat kepada masyarakat** menerusi peluang pekerjaan dan pembangunan sosioekonomi.

Selaras dengan pengisytiharan bulan Ramadan sebagai **Bulan Wakaf Kebangsaan** oleh **YAB Perdana Menteri pada 27 Februari 2025**, YWM terus giat menyalurkan pelbagai bentuk bantuan, termasuk:

1. **RM323,352.00** – Agihan Dana Wakaf Tunai
2. **RM73,300.00** – Agihan Dana CSR
3. **RM14,000.00** – Agihan Dana Manfaat

Komitmen YWM dalam memperkasa wakaf dan kebajikan melalui usaha berterusan ini, membolehkan **semua lapisan masyarakat mendapat manfaat tanpa mengira kaum, bangsa dan agama**.

Yayasan Waqaf Malaysia
23 Mac 2025

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

Cik Haidatul Azia binti Husin
Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
019-3883395 | azia@ywm.gov.my

Encik Aflah bin Aminudin
Penolong Pegawai Tadbir
Bahagian Pemasaran dan Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
019-2271453 | aflah@ywm.gov.my